

agama

Didik mahasiswa asnaf berdikari

Fungsi bantuan zakat diperluaskan

KERJASAMA amat penting untuk memantapkan pengurusan. Mungkin masih ada dalam kalangan pembaca yang tidak mengetahui bahawa universiti awam dan swasta di Selangor telah menjalankan kerjasama sebagai ejen zakat bersama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Semua universiti berkenaan bertanggungjawab membuat promosi dan kutipan di dalam kampus masing-masing. Hasil daripada kutipan berkenaan, 50 peratus akan dikembalikan kepada pihak universiti bagi diagihkan kepada warga kampus yang memerlukan terutamanya kumpulan mahasiswa asnaf.

Sehingga kini seluruh universiti awam di Selangor merupakan ejen zakat LZS. Universiti swasta pula yang telah dilantik ialah Universiti Multimedia, Universiti Tenaga Nasional, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Universiti Selangor, Management and Science University, Unitar, Cyberjaya University College dan Infrastructure University Kuala Lumpur.

Jejak Asnaf kali ini berkongsikan pengalaman Ketua Seksyen Pengurusan Zakat dan Pembangunan Asnaf, Universiti Putra Malaysia (UPM), Zuhaimi Abdul Rahman, 38, membangunkan kumpulan mahasiswa zakat.

“Kami tidak mahu para pelajar ini terus memohon bantuan zakat pada setiap semester. Akhirnya mereka menjadi terlalu bergantung kepada zakat. Sebab itu kami di seksyen ini berusaha mencipta peluang bagi pembangunan mahasiswa yang berstatus asnaf ini.”

“Kami berusaha mencipta ‘Program Khidmat Pelajar’ dengan hasrat menanamkan semangat untuk berkhidmat dalam kalangan mahasiswa, sekali gus menjauhkan mereka dari suasana ‘zon selesa’,” katanya.

Tambah Zuhaimi, seksyen yang diterajuinya itu tidak mempunyai kakitangan tetap yang ramai, lantas membuka ruang kepada para mahasiswa yang berminat untuk bekerja secara sambilan.

“Syaratnya amat mudah iaitu tidak boleh mengganggu pengajian mereka. Tugas mereka juga tidaklah berat, sesuai dengan kapasiti sebagai pelajar. Malah, dalam aspek yang lain ia dapat memupuk nilai-nilai positif di dalam diri mereka,” katanya.

PENGURUSAN ZAKAT UPM

Jelas Zuhaimi, seksyen ini sejak ditubuhkan pada 2002, pengagihan zakat tidak terhad kepada wang tunai semata-

jejak asnaf

Bersama HAMIZUL
ABDUL HAMID

Eksekutif Dakwah,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



mata tetapi dalam pelbagai bentuk lain yang bertujuan memenuhi keperluan kumpulan sasar.

Antaranya ialah bantuan wang sara diri pelajar, yuran pengajian, bantuan kecemasan, pembelian tiket pesawat khususnya bagi mahasiswa yang berasal dari Sabah dan Sarawak serta bantuan latihan industri.

“Kami boleh menerima zakat daripada semua pihak, syaratnya mereka mesti masuk dan menunaikannya di kaunter zakat dalam kampus UPM. Untuk pengagihannya, kami diberikan hak oleh LZS untuk mengagihkan kembali kepada lima asnaf daripada lapan asnaf zakat. Lima asnaf itu ialah fakir, miskin, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil,” katanya.

Kutipan zakat dalam UPM terus meningkat saban tahun. Pada 2007 hanya sekitar RM800,000 sahaja dapat dikutip, namun meningkat kepada RM2.4 juta tiga tahun selepas itu. Jumlahnya meningkat kepada RM5.2 juta pada 2013 dan pada tahun lalu telah mencapai RM5.7 juta.

Sementara itu, seksyen berkenaan tidak hanya menunggu duit masuk ke dalam pejabat tetapi sebaliknya aktif menganjurkan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kutipan zakat.

“Kami mempunyai unit khas untuk mempromosikan zakat, meningkatkan jumlah pembayar dan kutipan zakat. Misalnya, di semua fakulti diwujudkan gerai zakat, hebahan di buletin dalam setiap minggu, ceramah-ceramah berkaitan zakat, siaran menerusi Radio Putra yang dimiliki oleh UPM dan juga memanfaatkan Masjid UPM dengan khutbah khas zakat,” katanya.

Pada masa ini, agihan zakat bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh mahasiswa ijazah pertama tetapi turut membabitkan mahasiswa pasca ijazah termasuk empat pelajar peringkat doktor falsafah dalam pelbagai bidang.

“Kita kini merancang memperkasakan Bahagian Zakat UPM agar menjadi Bahagian Filantropik, dan menjadi ‘pusat sehenti’ bagi urusan zakat, infak dan wakaf. Biar manfaatnya melebar kepada semua warga kampus yang memerlukan,” katanya.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

- Paradigma zakat hanya untuk membantu dalam tempoh ‘sekali bagi’ perlu diubah, sebaliknya zakat perlu dijadikan sebagai batu loncatan kepada mahasiswa yang menerimanya untuk lebih berjaya iaitu dengan mewujudkan peluang menjana pendapatan menerusi Program Khidmat Pelajar.

- Menyediakan ‘bank data’ asnaf yang dapat mengumpulkan senarai mahasiswa yang memerlukan pekerjaan. Mereka boleh belajar sambil bekerja dan pada masa yang sama mampu menjana pengalaman yang berharga untuk masa depan mereka sendiri.

- Menerokai aktiviti yang bersifat meningkatkan kemahiran asnaf atau mahasiswa. Misalnya, menerusi aktiviti perniagaan, malah pihak UPM turut menjalankan hubungan dengan beberapa usahawan luar yang sanggup menyediakan peluang dan ruang untuk menjayakan misi ini.

- Penglibatan mahasiswa asnaf dalam aktiviti universiti berskala besar seperti Pesta Konvokesyen dan Minggu Suai Kenal Mahasiswa Baharu. Dahulu pekerja UPM yang akan sibuk, termasuklah menyediakan bunga dan sebagainya untuk dijual kepada para graduan, kini mahasiswa asnaf yang terlibat, sekali gus mengajar mereka menjadi usahawan.

Majlis Mahabbah Alumni Jakim esok

BEKAS kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang pernah berkhidmat dengan jabatan itu dipelawa menghadiri Majlis Mahabbah Alumni Jakim pada Jumaat ini, pukul 4 petang di Restoran d'Tasik, Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Majlis anjuran Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) itu bertujuan mengumpulkan hampir 500 kakitangan Jakim yang pernah berkhidmat sejak jabatan itu ditubuhkan pada 1968.

Yang Dipertua, Paimuzi Yahya berkata, usaha ini dilakukan agar pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh mereka itu dapat dimanfaatkan untuk sama-sama membantu mempertahankan institusi Islam yang ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja itu.

“Pada masa institusi agama seperti Jakim sedang menghadapi pelbagai cabaran termasuklah segelintir mendesak supaya Jakim dimansuhkan, maka peranan pelbagai pihak adalah diperlukan.

“Sebarang pertanyaan lanjut mengenai majlis ini bolehlah menghubungi urusetia Zakaria Othman di talian 019-3951481 atau Mohd Hariri Daud di talian 011-10720056,” katanya dalam satu kenyataan.



ZUHAIMI ABDUL RAHMAN bersama dua mahasiswa asnaf yang bekerja secara sambilan bagi membantu kerja-kerja pentadbiran Pengurusan Zakat dan Pembangunan Asnaf UPM, Selangor baru-baru ini.